

Pantai Irama rosak teruk dilanda air pasang besar

BACHOK 27 Dis. - Fenomena air pasang besar yang berlaku sejak tiga hari lalu menyebabkan infrastruktur dan aset keindahan alam semulajadi di Pantai Irama, dekat sini rosak teruk.

Antara yang musnah ialah pondok rehat, laluan pejalan kaki, replika buah-buahan dan benteng penghadang hakisan.

Kemusnahan itu dipercayai berlaku setiap hari mulai pukul 8 malam hingga 12 tengah malam.

Sementara itu, Pegawai memerintah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) cawangan Bachok, Leftenan Mohd. Nasir Dollah berkata, fenomena air pasang besar itu turut merosakkan sebahagian menara pasukan penyelamat pantai yang dibina JPAM pada tahun 2007.

Menurutnya, sebelum kejadian ombak besar berlaku JPAM telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM5,000 bagi menambak batu granit di sekitar bahagian bawah menara berkenaan bagi menghalang ombak.

“Namun usaha itu gagal kerana terjahan ombak terlalu kuat menyebabkan sebahagian pagar menara berkenaan runtuh,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Penyelia Calet Tanjung Chap Beach Resort, Normah Mohd. Nor berkata,



SEBAHAGIAN infrastruktur seperti pondok rehat dan laluan pejalan kaki rosak teruk selepas dilanda ombak besar tiga hari lalu di Pantai Irama, Bachok, semalam.

kerja menambak batu granit dan batu yang diletakkan di dalam sangkar dilakukan hari ini dengan menggunakan perbelanjaan sendiri selepas kerja menahan runtuhan meng-

gunakan guni pasir selesai dilakukan pagi semalam.

“Terjahan ombak tidak begitu kuat semalam kerana faktor angin yang tidak kencang berbanding ma-

lam sebelumnya. Apa pun kami terus memantau perkembangan yang berlaku sehingga pagi kerana kuar susunan guni pasir mungkin di hanyutkan ke laut,” katanya.